

Kita bekerjasama rapat dengan negara jiran

UM 20 AUG 2002

Daripada OTHMAN MOHAMAD

YANGON 19 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia bekerjasama rapat dengan semua negara jiran khususnya negara-negara yang baru menjadi anggota ASEAN dan masih ketinggalan sejajar dengan falsafah 'menang menang' yang akhirnya memberi manfaat kepada semua.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia percaya membantu negara jiran tetangga agar turut membangun akan menyelamatkan Malaysia daripada jangkitan kesan kemiskinan dan kerajaan yang tidak stabil.

"Ini kerana negara-negara jiran yang makmur akan menjadi pasaran yang baik kepada barangan Malaysia," katanya semasa menyampaikan ucapan dasar pada Persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia di Hotel Sedona, di sini hari ini.

"Lagi pun kami secara jujur mahu melihat rantau ini makmur dan kuat bagi membantu kita mempertahankan diri daripada ancaman-ancaman luar.

"Kita tidak mengamalkan falsafah iaitu negara kami hanya akan beroleh untung jika negara lain kerugian. Malaysia percaya kepada falsafah menang menang yang menjadikan semua pihak mendapat bahagian tanpa ada yang ketinggalan. Percaya atau tidak, ia praktikal," tegasnya dalam ucapannya yang bertajuk 'Peluang-peluang perniagaan dan kerjasama teknologi di antara Myanmar dan Malaysia'.

Malahan, katanya, persidangan ini merupakan satu lagi bukti komitmen berterusan kerajaan Malaysia terhadap idea memakmurkan negara jiran menerusi kerjasama ekonomi dan perniagaan.

Sebagai perbandingan kepada pendekatan Malaysia itu, Dr. Mahathir menyatakan terdapat kepercayaan bahawa tindakan mengasingkan diri boleh dilakukan dengan membina 'tembok' di sekeliling sesebuah ekonomi serta mengurangkan ke tahap paling minimum penglibatan dengan dunia luar.

"Namun peredaran masa tidak lagi membolehkan kaedah pengasingan diri menjanjikan kehidupan yang baik kepada rakyat kita seperti yang diharapkan," jelas Dr. Mahathir.

Myanmar menyertai ASEAN pada tahun 1997 dan negara anggota baru pertubuhan itu yang lain ialah Laos, Kemboja dan Vietnam.

Sambil merujuk kepada ASEAN, Dr. Mahathir seterusnya berkata, persatuan negara-negara Asia Tenggara ini tetap menjadi salah satu daripada persatuan yang gagah di kalangan negara-negara sedang membangun, sekalipun terdapat kelemahan dan kegagalannya yang tertentu.

Katanya, negara-negara anggota ASEAN bersama-sama memperkukuhkan ekonomi dengan saling memajukan dagangan dan pelaburan intra-ASEAN menerusi kerjasama serantau bagi melindungi industri yang ada.

"Menerusi ASEAN, kita telah mengurangkan pertembungan yang tidak berfaedah yang biasanya berlaku sesama negara jiran.

"Kita dalam ASEAN juga saling belajar mengenai seni dan sains memajukan negara," jelas Dr. Mahathir lagi.

Perdana Menteri turut menyatakan pengalaman Malaysia yang membangunkan ekonomi menerusi penyertaan asing boleh diteladani oleh semua negara yang berhasrat untuk melihat pertumbuhan ekonomi mereka.

"Kami amat sedar bahawa pelaburan asing tidak menjejaskan kemerdekaan kami. Malaysia sentiasa kekal merdeka. Kami sedar pelabur asing datang ke negara kami bukan untuk melakukan kebajikan. Kami berpendapat mereka layak memperoleh keuntungan daripada pelaburan modal dan teknologi mereka.

"Mulanya, bagi pihak kami hanya mengharapkan peluang pekerjaan kepada rakyat dan ia mencapai matlamatnya apabila kini Malaysia kekurangan tenaga kerja."

Sebenarnya, kata Dr. Mahathir, Malaysia memperoleh lebih daripada itu apabila kalangan pengurus tempatan lebih cekap dan kekayaan meningkat sehingga mempunyai cukup modal untuk mewujudkan perusahaan sendiri menerusi pelaburan dalam industri moden yang sebelum ini hanya melibatkan syarikat-syarikat asing.

Hari ini Malaysia telah melangkah ke bidang teknologi tinggi termasuk teknologi komunikasi maklumat (ICT) dalam usaha meningkatkan pendapatan rakyat serta menjadikan negara semakin kaya.

"Malahan sekarang, dalam kes tertentu kami telah merubah proses tersebut (kemasukan pelaburan asing) dengan bertindak menjadi pelabur di negara lain dan turut menyumbang kepada pembangunan negara terbahit."

Bagaimanapun, tegas Perdana Menteri, Malaysia mengambil masa empat dekad untuk mencapai tahap pembangunan tersebut.

Sementara itu Dr. Mahathir berkata, seperti mana Malaysia mengharapkan kehadiran pelabur asing, beliau sedar bahawa negara tuan rumah juga berharap pelabur asing dari Malaysia

menghormati sensitiviti, perundangan dan agama serta dasar-dasar dalam negeri dan dasar luarnya.

Katanya, usahawan, pedagang dan pelabur Malaysia perlu berbuat demikian dan kerajaan Malaysia akan memastikannya.

Menurut Perdana Menteri, mungkin terdapat kambing hitam di kalangan usahawan Malaysia yang datang ke Myanmar tetapi pihak Malaysia tidak menuntut sebarang keistimewaan terhadap mereka itu, malah akan menyokong langkah perundangan ke atas mereka yang terbabit.

Namun sebagai kebiasaan, kerajaan Malaysia menerusi perwakil-perwakilan diplomatik akan menyediakan semua khidmat yang diperlukan oleh rakyat Malaysia yang layak bagi mereka.

Sungguhpun begitu, Dr. Mahathir menyatakan beliau tidak nampak banyak masalah di Myanmar kerana kerajaan Malaysia, ahli-ahli perniagaan dan para saintis Malaysia akan bekerjasama penuh dengan rakan-rakan mereka di negara ini.

Beliau menekankan mengenai perlunya kerjasama dalam bidang bioteknologi memandangkan Malaysia dan Myanmar kaya dengan sumber-sumber flora dan fauna yang menjadi asas kepada genomik, sains masa depan.

Dr. Mahathir turut berharap persi-

dangan kali ini akan mencetuskan siri kerjasama yang boleh meningkatkan tahap sosioekonomi kedua-dua negara.

Persidangan dua hari ini adalah anjuran bersama Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) Myanmar.

Ia dihadiri oleh 550 peserta - 250 dari Myanmar dan 300 dari Malaysia - yang kebanyakannya adalah usahawan.

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam ucapannya turut menyentuh mengenai kebebasan.

Katanya, kemerdekaan politik tidak membawa maksud kebebasan mutlak kerana kemerdekaan politik tanpa kemerdekaan ekonomi merentap banyak daripada kebebasan yang diharapkan.

Beliau juga berharap negara-negara lemah akan bersatu dengan mengumpulkan aset mereka dalam usaha untuk melindungi mereka.

Nasib mereka terletak kepada setakat mana kukuhnya kerjasama di antara negara-negara bagi sesuatu wilayah, malah kerjasama di antara wilayah - kerjasama yang tidak akan menjejaskan identiti kebangsaan mereka sebaliknya mewujudkan kekuatan menerusi saiz dan keteguhan penggabungan ekonomi dan politik.

"Malah negara-negara yang kuat saling memberi sokongan. Ia tidak mudah bagi mereka tetapi tidak mudah pula bagi kita. Apa pun kita tiada pilihan melainkan mencuba dan terus berusaha," kata Dr. Mahathir.

Dunia kini menjadi 'sema-in kecil' apabila kemajuan

komunikasi dapat mendekatkan antara satu sama lain dengan pantas.

Kini soal jarak telah diatasi sehingga hampir seluruhnya kerana komunikasi dan visual misalnya berlaku serentak dalam waktu nyata.

"Kita hanya belum tahu bagaimana untuk menghantar badan kita menerusi angkasa dengan segera seperti dalam Star Trek tetapi kelajuan jet telah menjadikan perjalanan ke segenap pelosok di dunia boleh dicapai dalam satu hari sahaja," katanya.

Sungguh pun begitu, tegas Dr. Mahathir, peluang berinteraksi di kalangan bangsa tidaklah hebat atau begitu mudah kerana sesetengah pihak melihat peluang tersebut sebagai jalan bagi mereka memperluaskan pengaruh dan kekuatan dalam konteks penguasaan ke atas kelompok negara-negara lain.

Berhubung isu sejagat juga, Dr. Mahathir mengulangi pendirian bahawa masalah keganasan hanya boleh dihapuskan dengan mengatasi punca sebenar tindakan mereka itu.

"Hakikatnya, mereka yang bertindak ganas ini melihat ketidakadilan dan penindasan berlaku terhadap bangsa mereka dan oleh itu mereka berasa perlunya mereka menentang perkara tersebut.

"Jadi musuh sekarang ialah pengganas yang bukannya dikaitkan dengan usaha menumbangkan kerajaan tetapi pengganas yang menentang ketidakadilan dan penindasan yang dilihat berlaku di merata tempat."

Oleh itu mereka tidak boleh ditumpaskan dengan kekuatan tentera seperti perang konvensional kerana mereka bukannya merujuk kepada sesuatu bangsa atau kaum, tetapi dengan menghapuskan punca mereka bertindak ganas. — *Utusan*